



Ahmad Faizal (kanan) bersama Aaron dan Wooi Yik selepas menyambut ketibaan kedua-dua wira negara itu di KLIA pada Khamis.

Oleh ZURAIMEE ZAINAL

Ganjaran khas buat juara dunia

Beregu utama lelaki, Aaron Chia-Soh Wooi Yik bakal menerima ganjaran khas daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) selepas mengakhiri penantian 45 tahun Malaysia bergelar juara dunia.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, ganjaran khas tersebut merupakan tambahan kepada RM20,000 seorang di bawah Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) sebelum ini.

"KBS tentunya akan memastikan ganjaran atau sumbangan selain daripada SHAKAM akan diberikan kepada mereka berdua apatah lagi ini merupakan kejayaan pertama anak Malaysia pada Kejohanan Badminton Dunia.

"Namun, jumlahnya saya tidak akan umumkan sekarang. Kita nak mereka menang lagi banyak gelaran," katanya selepas menyambut kepulangan Aaron-Wooi Yik di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Khamis.

Pada Ahad lalu, Aaron-Wooi Yik mencipta sensasi apabila menjadi pemain Malaysia pertama memenangi gelaran dunia bagi mengakhiri penantian selama 45 tahun.

Kejayaan itu hadir selepas Aaron-Wooi Yik menjinakkan beregu berpengalaman Indonesia, Mohammad Ahsan-Hendra Setiawan 21-19, 21-14 di pentas final.

Hasil kejayaan itu, Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mengumumkan ganjaran RM150,000 setiap seorang kepada Aaron-Wooi Yik selain RM50,000 seorang menerusi penaja, Yonex.

Dalam pada itu, Ahmad Faizal menasihati peminat mahupun pemerhati sukan tanah air supaya tidak terlalu 'keras' dalam mengkritik barisan atlet sekiranya mereka gagal mempamerkan prestasi diharapkan.

"Kritikan untuk menaikkan semula semangat dalam kalangan atlet bagi perbaiki prestasi adalah baik, namun jangan terlalu kasar sehingga mereka patah semangat untuk berjuang.

"Aaron-Wooi Yik sebelum ini pun dikritik kerana selalu kalah separuh akhir, namun mereka tidak pernah berputus asa, sebaliknya terus berjuang sehingga muncul juara dunia," ujarnya.